

16/01/2005

Dr M tiada persiapan jadi pemandu khas

BANTING: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak membuat sebarang persiapan khusus untuk menjadi "pemandu khas" kepada sembilan penderma terbanyak mangsa tsunami untuk mengelilingi Litar Antarabangsa Sepang (SIC), hari ini.

Beliau berkata, sudah biasa memandu Porshe Cayenne milik anaknya Datuk Mokhzani.

"Kita seronok-seronok saja bawa kereta," katanya ketika ditemui ketika mengiringi isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali merasmikan Pusat Haemodialisis Felina di sini, semalam.

Dr Mahathir akan menjadi "pemandu khas" pada acara yang dinamakan "Perlumbaan Bersatu Bagi Kutipan Derma Untuk Tabung Mangsa Tsunami" yang diadakan sempena Sunday Track Day, hari ini.

Dr Mahathir, yang diketahui sebagai pencinta kereta dan pemandu yang berupaya, berkata isterinya pasti tidak akan menjadi penumpang keretanya.

"Isteri saya tidak mahu. Dia takut saya bawa kereta. Bila saya bawa (kereta) saja, dia suruh pusing kiri, pusing kanan, kata ada kereta di belakang, brek," katanya berseloroh.

Beliau berkata tiada sebarang "rekod" akan beliau catatkan di litar lumba sepanjang 5.543 kilometer itu.

Ditanya sama ada beliau mengetahui penderma terbanyak yang akan beliau pandu, katanya: "Saya belum tahu lagi. Mungkin mereka dengar saya yang bawa (kereta), mereka tidak datang langsung."

(END)